

07 JAN 2001

Syed Hamid-Megawati (Bergambar)

LAWATAN MEGAWATI BUKAN UNTUK RAIH SOKONGAN PERIBADI, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Lawatan Naib Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri ke negara ini bertujuan mempereratkan hubungan dua hala dan bukan untuk meraih sokongan Malaysia terhadap kepimpinan beliau di republik itu seperti dakwaan sesetengah pihak.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata andaian kononnya beliau cuba dapatkan sokongan peribadi tidak berasas memandangkan Malaysia mempunyai dasar untuk tidak campur tangan dalam soal politik dalaman negara lain.

"Soal politik dalaman sesebuah negara luar, kita tidak masuk campur dan saya tidak anggap lawatan Megawati ini mempunyai tujuan sedemikian," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka hari raya Kementerian Luar di sini.

Syed Hamid diminta mengulas dakwaan kononnya lawatan Megawati ke Malaysia ialah untuk mengukuhkan sokongan kerajaan Malaysia terhadap kedudukan beliau dalam kepimpinan Indonesia.

Megawati dijadual tiba petang ini untuk lawatan rasmi tiga hari atas jemputan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ini adalah lawatan rasminya yang pertama ke negara ini sejak memegang jawatan naib presiden.

Esok beliau dijadual menemui Abdullah selain menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Ketika ditanya sama ada terdapat agenda khusus yang akan dibincangkan antara Abdullah dan Megawati dalam pertemuan itu, Syed Hamid berkata ia merupakan pertemuan antara rakan sejawatan dan mereka dijangka membincangkan soal-soal umum melibatkan kedua-dua negara.

Menyentuh perkara lain, Syed Hamid berkata lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Myanmar tidak mempunyai kaitan dengan misi Tan Sri Razali Ismail selaku wakil khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke negara berkenaan.

"Ia hanya satu kebetulan Datuk Seri Dr Mahathir melawat negara itu semasa Tan Sri Razali melaksanakan tugasnya," katanya.

Misi Razali di Myanmar dilaporkan untuk mewujudkan perbincangan antara kepimpinan tentera Myanmar dan Liga Kebangsaan bagi Demokrasi pimpinan Aung San Suu Kyi.

Beliau berkata Razali ke sana mewakili Setiausaha Agung PBB manakala Perdana Menteri ke sana sebagai pemimpin yang rapat dengan Myanmar dan juga menunjukkan sokongan Malaysia terhadap penyertaan negara itu dalam Asean.

"Kita percaya perubahan akan berlaku di Myanmar iaitu perubahan daripada segi ekonomi, dan kehadiran Perdana Menteri di sana memberi penekanan kepada perubahan itu," katanya.

Dr Mahathir berlepas ke Myanmar Rabu lepas untuk lawatan seminggu.

-- BERNAMA

NM MAM MAI